

# SW HYOSCINE BUTYLBROMIDE TABLET

Hyoscine Butylbromide (10mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan SW Hyoscine Butylbromide Tablet
2. Bagaimana SW Hyoscine Butylbromide Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan SW Hyoscine Butylbromide Tablet
4. Cara menggunakan SW Hyoscine Butylbromide Tablet
5. Semasa menggunakan SW Hyoscine Butylbromide Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan SW Hyoscine Butylbromide Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan SW Hyoscine Butylbromide Tablet

Ia digunakan untuk melegakan kekejangan dan peningkatan pergerakan perut dan usus, pundi hempedu dan saluran kencing. Ia juga digunakan untuk mengendurkan bahagian bawah rahim dan melegakan sakit haid.

## Bagaimana SW Hyoscine Butylbromide Tablet berfungsi

Bahan aktif dalam ubat ini adalah hyoscine butylbromide. Ia mengurangkan pergerakan dan tona saluran penghadaman dan boleh mengurangkan jumlah pelbagai rembesan.

## Sebelum menggunakan SW Hyoscine Butylbromide Tablet

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan SW Hyoscine Butylbromide Tablet jika anda:-

- mempunyai alahan terhadap hyoscine butylbromide atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).
- mempunyai masalah peningkatan tekanan dalam mata, masalah pada pergerakan esofagus (saluran makanan), pembesaran prostat atau halangan pada leher pundi kencing.
- mempunyai kelemahan otot.

### - Sebelum mula menggunakan SW Hyoscine Butylbromide Tablet

Dapatkan nasihat doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda:

- mempunyai halangan hujung saluran gastrik.
- adalah warga tua.
- mempunyai masalah metabolik, buah pinggang atau hati.
- mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Terdapat beberapa ubatan yang boleh berinteraksi dengan SW Hyoscine Butylbromide Tablet. Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk apa-apa yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat seperti berikut: -

- Tricyclic anti-depressants, untuk rawatan kemurungan.
- Antihistamines, rawatan untuk pelbagai simptom alahan.
- Quinidine, atau disopyramide untuk merawat denyutan jantung yang tidak teratur.
- Amantadine, untuk merawat jangkitan selsema tertentu.
- Dopamine antagonist, ubat seperti Metoclopramide untuk mencegah loya dan muntah.

## Cara menggunakan SW Hyoscine Butylbromide Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

Pengambilan oral.

Dewasa: Satu atau dua tablet, tiga hingga empat kali sehari.

Kanak-kanak (6-12 tahun): Satu tablet, tiga kali sehari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ambil tiga hingga empat kali sehari ataupun ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Gunakan SW Hyoscine Butylbromide Tablet mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Jangan gantikan dos anda untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

### - Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Jika anda menggunakan terlalu banyak ubat dengan tidak sengaja, hubungi doktor anda dengan segera atau dapatkan rawatan perubatan.

Pengambilan terlalu banyak ubat boleh meningkatkan tanda-tanda dan gejala-gejala seperti gangguan ingatan, pening, kegelisahan, khayalan atau kekeliruan.

## Semasa menggunakan SW Hyoscine Butylbromide Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

- Guna ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan SW Hyoscine Butylbromide Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak perlu dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan memberi SW Hyoscine Butylbromide Tablet kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

**-Perkara yang perlu diberi perhatian****Memandu dan menggunakan jentera**

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

**Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, SW Hyoscine Butylbromide Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan hyoscine butylbromide termasuk kekeringan mulut dengan kesukaran untuk menelan, pembesaran anak mata, penglihatan tidak boleh fokus dan sensitif pada cahaya, tekanan mata meningkat, kulit memerah atau kering dan pengurangan kadar degupan jantung sementara diikuti dengan peningkatan degupan jantung tidak teratur dan perasaan hati berdebar-debar.

Kesukaran untuk membuang air kecil, pengurangan tona serta pergerakan saluran perut dan usus yang boleh menyebabkan sembelit, kadang-kala muntah, pening dan terkejut mungkin berlaku.

Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin juga boleh berlaku pada sesetengah orang. Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami kesan sampingan lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

**Cara penyimpanan dan pelupusan  
SW Hyoscine Butylbromide Tablet****- Penyimpanan**

Simpan pada atau di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya.

**- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut****- Rupa dan warna produk**

Tablet putih, berbentuk bulat yang bersalut filem.

**-Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif

- Hyoscine Butylbromide

- Bahan- bahan tidak aktif

- Lactose
- Corn Starch
- Magnesium Stearate
- Povidone-K90
- Isopropyl Alcohol
- Hydroxypropyl Methylcellulose
- Deionised Water
- Titanium Dioxide
- Calcium Carbonate (Light)
- Talcum
- PEG 6000

**- Nombor MAL**

MAL19921152AZ

MAL19992703ASZ

**Pengilang**

(MAL19921152AZ)

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.

No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman

Perindustrian Tampoi Indah, 81200

Johor Bahru, Johor, Malaysia.

(MAL19992703ASZ)

Sunward Pharmaceutical Pte.Ltd

No.11,Wan Lee Road

627943, Singapore.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.

No.9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman

Perindustrian Tampoi Indah, 81200

Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

26/01/2023

**Nombor siri**

NPRA(R4/1)221122/00104